

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8212**

**SOALAN:**

**Dr.Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan syarat-syarat yang dikenakan untuk  
rakyat mengadakan perhimpunan aman dan jelaskan kenapa  
perhimpunan BERSIH 4.0 tidak mendapat kebenaran tetapi  
perhimpunan "Baju Merah" mendapat sokongan dari Kerajaan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perhimpunan BERSIH 4 telah diadakan pada 29 dan 30 Ogos 2015 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, Padang Merdeka, Kuching dan Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menolak permohonan penganjur untuk berhimpun di Dataran Merdeka atas alasan Dataran Merdeka akan digunakan untuk penganjuran sambutan Hari Kebangsaan 2015 pada 31 Ogos 2015. Walau bagaimanapun, pihak DBKL telah memberikan cadangan untuk menggunakan Padang Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur sebagai pilihan tetapi telah ditolak oleh pihak penganjur dan tetap meneruskan perhimpunan di lokasi sebagaimana yang dirancang.**

**Penganjur juga memohon mengadakan perhimpunan tersebut di Padang Merdeka, Kuching namun cadangan mereka ditolak oleh pihak Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS). Sebaliknya telah dibenarkan untuk menggunakan Padang Song Kheng Hai, Kuching, Sarawak. Penggunaan Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah juga telah ditolak oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) memandangkan lokasi tersebut merupakan pusat rekreasi popular dan diarah berpindah ke lokasi baru iaitu di Padang Tanjung Lipat Dua, Kota Kinabalu, Sabah.**

**Berdasarkan kepada keengganan pihak penganjur untuk memindah tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakan di lokasi yang tidak dibenarkan serta lokasi yang diadakan tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan, Ketua Polis Daerah terpaksa menolak permohonan untuk membenarkan perhimpunan tersebut diadakan kerana tidak memenuhi keperluan dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA).**

**Sementara itu bagi Himpunan Rakyat Bersatu, perhimpunan telah dipohon untuk diadakan di Padang Merbok, Kuala Lumpur pada 16 September 2015. Pihak Polis membenarkan perhimpunan tersebut diadakan setelah memenuhi syarat yang diperlukan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 dengan menghantar notis pemberitahuan di bawah Seksyen 9 (1) dan di bawah Seksyen 11 iaitu surat kelulusan daripada pemilik premis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, serta penganjur bersetuju dengan syarat tambahan yang dikenakan oleh pihak polis.**

**Dalam menganjurkan sesuatu perhimpunan adalah tertakluk kepada peruntukkan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) terutama sekali memenuhi syarat-syarat di bawah seksyen berikut:-**

- i) Seksyen 4 (1), Hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan**
- ii) Seksyen 9 (1), Pemberitahuan Perhimpunan**

**iii) Seksyen 11, Persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan.**

**iv) Pihak Ketua Polis Daerah atas budi bicaranya boleh membenarkan perhimpunan diadakan setelah syarat tersebut dipenuhi di samping syarat-syarat tambahan yang dikenakan di bawah Seksyen 15 (1) dan (2) mengenai sekatan-sekatan dan syarat-syarat dipersetujui oleh penganjur perhimpunan.**